

KHAMIS PUTIH

Misa Kudus Malam Jamuan Terakhir Tuhan

Keluaran 12:1-8. 11-14; Mazmur 115:12-13. 15-18. R/ cf. 1 Korintus 10:16; 1 Korintus 11:23-26
Yohanes 13:1-15

Tema: EKARISTI MENJADIKAN HADIR, BENAR DAN BERKESAN KEMATIAN DAN KEBANGKITAN YESUS KRISTUS DAN PENCURAHAN ROH KUDUS UNTUK PENYELAMATAN DUNIA!

1. Petang ini kita merayakan Khamis Putih Malam Jamuan Terakhir Tuhan. Malam ini kita mengenangkan tiga misteri, iaitu, institusi Ekaristi dan Imamat, dan perintah untuk mengasihi!

Injil hari ini memberitahu kita mengenai pembasuhan kaki para pengikut Yesus. Tidak seperti Injil Matius, Markus dan Lukas, Injil Yohanes tidak mempunyai institusi Ekaristi; bahkan ia adalah tentang pembasuhan kaki para pengikut Yesus! Pembasuhan kaki para pengikut Yesus itulah maksudnya Ekaristi!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa apabila mereka sedang adakan jamuan, Yesus berdiri dari meja, menanggalkan jubah-Nya, mengikat sehelai kain di pinggang-Nya, lalu menuang air ke dalam bejana dan Ia mulai membasuh kaki para murid-Nya serta mengusapnya dengan kain.

Apabila selesai Ia membasuh kaki para murid-Nya, Yesus memakai semula jubah-Nya dan kembali ke meja jamuan. Dia memberitahu para murid-Nya bahawa walaupun Dia adalah Guru dan Tuhan, tetapi masih membasuh kaki mereka. Mereka juga seharusnya menuruti-Nya dengan membasuh kaki sesama mereka! Iaitu, mereka harus mengasihi dan melayani antara satu sama lain!

Tetapi lebih dari itu, dialog Yesus bersama Petrus dalam Injil hari ini memberitahu kita akan erti simbolik Injil, iaitu, Yesus bukan saja membasuh kaki kita, tetapi lebih penting lagi, Yesus juga membasuh segala dosa kita dengan air Pembaptisan, iaitu, Dia membasuh dosa kita dengan Roh Kudus! Dan Yesus terus mencuci dosa kita dengan darah Ekaristi, iaitu, darah di kayu salib, setiap Minggu! (HCSB; IBC; CSB; CCB)

Dengan kata-kata lain, Yesus bukan sahaja mengasihi dan melayani, tetapi Dia juga menderita sengsara dan berkorban untuk penyucian dan penyelamatan dunia! Dan Dia memberitahu kita untuk mengikuti Dia dan melakukan perkara yang sama! Tetapi bagaimana untuk melakukan perkara yang sedemikian? Kita dapat melakukan seperti itu dengan bantuan Roh Kudus!

Itulah sebabnya sebelum kematian dan kebangkitan dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia, Yesus menubuhkan institusi Ekaristi dan Imamat untuk menjadikannya hadir, benar dan berkesan kematian dan kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan Dunia!

2. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai institusi Ekaristi dan Imamat. Bacaan kedua yang diambil dari Surat Pertama kepada umat di Korintus adalah tulisan purba yang paling kuno mengenai institusi Ekaristi dan Imamat! Ia adalah lebih kuno dari seluruh tulisan-tulisan dalam mana-mana Injil. Ia telah ditulis pada tahun sebelum masihi 55! (CCB)

Bacaan kedua memberitahu kita bahawa dalam institusi Ekaristi, Yesus melakukan empat perkara: (i) Dia mengambil roti, (ii) Dia memberi kesyukuran kepada Allah atas roti. (iii) Dia memecah roti. (iv) Dia memberi roti.

Malam ini dalam Liturgi Ekaristi, kita akan melakukan empat perkara yang sama seperti yang dilakukan oleh Yesus dalam institusi Ekaristi itu: (i) Kita akan mengambil roti (Persembahan). (ii) Kita akan memberi kesyukuran kepada Allah kerana roti (Doa Ekaristi). (iii) Kita akan memecah roti. (iv) Kita akan memberi roti (Komuni Kudus)!

Yang penting, bacaan kedua memberitahu kita bahawa setiap kali kita makan roti dan minum dari piala kita mewartakan kematian Tuhan sehingga Dia datang lagi! Iaitu, setiap kali kita makan roti dan minum dari piala, kita mewartakan "kematian yang menyelamatkan" Tuhan (HCSB), iaitu, kematian, kebangkitan-Nya dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia, sehingga Dia akan datang sekali lagi pada akhir dunia apabila kita semua akan diselamatkan!

Sekali lagi, Ekaristi membuat hadir, benar dan berkesan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia! Dengan bantuan Roh Kudus bahawa kita dapat melakukan apa yang Yesus perintah kita lakukan, iaitu, untuk mengasihi dan melayani, untuk sengsara dan berkorban, dan untuk penyucian dan penyelamatan dunia!

Misa Kudus Khamis Putih Jamuan Terakhir Tuhan bermula pada Jumaat Agung; Sebenarnya, ia adalah permulaan Triduum Paska tiga hari, Jumaat Agung (Penyaliban), Sabtu Suci (Pengkebumian), dan Minggu Paska (Kebangkitan). Tiga hari ini adalah satu perayaan! Itulah sebabnya mengapa tiada perutusan pada Khamis Putih dan Jumaat Agung! Perutusan hanya akan diadakan pada Malam Menjelang Paska. Itulah sebabnya mengapa kita harus datang ke semua tiga hari itu. Kita sekarang akan teruskan dengan "pembasuhan kaki" dan Ekaristi! Sukacita dan berkat Triduum Paska untuk kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Mengapa Yesus menubuhkan institusi Ekaristi dan Imamat? Percayakah kamu dalam kebenaran dan keberkesanan kehadiran Yesus dalam Ekaristi? Percayakah kamu bahawa Tubuh Yesus dalam Ekaristi adalah Tubuh Yesus yang Bangkit?
2. Menurut Injil Yohanes, apakah yang Yesus lakukan pada Jamuan Terakhir dan apakah yang Yesus perintahkan kita lakukan? Bolehkah kamu lakukannya tanpa bantuan Roh Kudus?
3. Percayakah kamu bahawa Yesus membuang semua dosa kita dalam Pembaptisan dan terus membasuh semua dosa kita dalam Ekaristi? Adakah kamu menghadiri Misa Kudus setiap hari Minggu?
4. Adakah kamu hadir dengan sepenuhnya Triduum Paska selama tiga hari itu?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: HarperCollins Study Bible (HCSB); International Bible Commentary (IBC); Catholic Study Bible (CSB); Christian Community Bible (CCB).